

Isu pelantikan Setiausaha Kerajaan Selangor

'Pandangan peribadi'

>>Oleh Abdullah Wahab

abwahab@hmetro.com.my

SHAH ALAM: Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, mendakwa kenyataan dikeluarkan istana, kelmarin, bukan titah rasmi Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Malah, katanya, ia pandangan peribadi Setiausaha Sulit, Datuk Mohamad Munir Bani.

Abdul Khalid berkata, baginda sudah diberi penjelasan oleh beliau pada pertemuan 3 Januari lalu, di Istana Kayangan termasuk membabitkan pindaan Undang-Undang Tubuh Negeri Selangor.

Sehubungan itu, katanya, beliau berpendapat Sultan

memahami situasi sebenar termasuk sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) tergepar bagi menyelesaikan masalah pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK).

"Oleh itu, kerajaan negeri berpendapat kenyataan itu pandangan peribadi Setiausaha Sulit Sultan Selangor dan bukan titah baginda.

"Saya cuba perbetulkan apa yang tak betul. Kita akan cuba selesaikan masalah ini secepat mungkin dan mengembalikan kuasa melantik tiga pegawai eksekutif di Selangor kepada Sultan Selangor dan Menteri Besar," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Exco, di sini, semalam.



ABDUL KHALID...cuba selesai

Akhbar semalam melaporkan, Sultan Sharafuddin Idris Shah dipetik menjelaskan kedudukan sebenar dan pel-



MOHAMAD KHUSRIN...SUK baru

bagai perkara yang dibangkitkan beberapa pihak berhubung isu pelantikan Datuk Mohamad Khusrin Munawi

sebagai SUK Selangor.

Penjelasan itu dibuat baginda dalam kenyataan yang dikeluarkan Setiausaha Sulit Sultan Selangor, antara lain menyebut majlis angkat sumpah taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor akan diadakan hari ini di Istana Bukit Kayangan.

Sementara itu, kerajaan negeri tidak menjemput Mohamad Khusrin pada mesyuarat Exco semalam.

Apabila ditanya Menteri Besar sama ada beliau akan menghadiri majlis angkat sumpah taat setia kepada Sultan Selangor di Istana Bukit Kayangan, hari ini, Abdul Khalid berseloroh berkata: "Tengoklah macam mana esok (hari ini)...anda tunggu dan lihat."

Mesyuarat Exco tidak sah tanpa SUK

SHAH ALAM - Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) berkemungkinan tidak sah sekiranya Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berterusan menghalang Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri, Datuk Mohd Khusrin Munawi daripada mengahdirinya.

Presiden Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa), Datuk Ibrahim Ali berkata, SUK wajib mengahdiri MMKN, tetapi mesti terlebih dahulu mengangkat sumpah simpan rahsia.

"Tindakan Abdul Khalid menolak pelantikan SUK dan menghalang beliau mengahdiri menyebabkan kemungkinan mesyuarat juga tidak sah.

"Tindakan tidak menerima pelantikan adalah jelas bertentangan dengan Undang-undang Tubuh Selangor Perkara 52 Fasal (a/b)," katanya.

Katanya, Undang-undang berkenaan menyebut pelantikan Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri, Penasihat Undang-undang dan Pegawai Kewangan Negeri hendaklah dibuat



● **IBRAHIM**

oleh Suruhanjaya (tapi tidak disebut Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri atau

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam).

"Jadi memandangkan jawatan SUK adalah jawatan Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD) secara automatik ianya adalah milik Persekutuan. Ini bermakna Suruhanjaya yang bertanggungjawab adalah SPA, dan telah mencadangkan tiga nama kepada Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah hingga membawa keputusan kepada pemilihan Mohd Khusrin.

"Ia adalah formaliti dan proses pelantikan ini betul," katanya.

Cadangan pinda Undang-Undang Tubuh Negeri

SHAH ALAM - Kenyataan bahawa Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah mempunyai kuasa eksekutif dalam pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri hanyalah pandangan peribadi Setiausaha Sulit Sultan Selangor, Datuk Mohamad Munir Bani.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata pindaan Perlembagaan pada 1993 secara jelas menghapuskan kuasa Sultan dalam pelantikan tiga pegawai eksekutif.

Menurutnya, cadangan meminda Undang-undang Tubuh Negeri Selangor 1959 akan mengembalikan kuasa kepada Sultan untuk melantik Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan dan Penasihat Undang-undang Negeri.

"Sebelum 1993 (sebelum Perlembagaan dipinda), dinyatakan dengan jelas bidang kuasa Sultan dalam pelantikan pegawai eksekutif.

"Saya yakin DYMM Sultan memahami situasi selepas 1993 dan keadaan yang berlaku sekarang," katanya.

Abdul Khalid berkata, Penasihat Undang-undang Negeri diminta melihat cadangan pindaan ini.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri melantik dua pakar undang-undang, Prof Dr Aziz Bari dan Datuk Param Cumaraswamy untuk memberi nasihat dan pandangan.

"Cadangan pindaan ini akan dibuat dengan tertib dan akan dimaklumkan kepada Sultan Selangor sebelum dibentangkan pada sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) yang dijangka diadakan dalam tempoh terdekat.

"Mesyuarat MMKN hari ini (semalam) bersetuju menyerahkan usul untuk mengadakan sidang DNS dan surat mengenai perkara itu telah dihantar kepada Speaker DNS, Datuk Teng Chang Khim," katanya.

Tidak guna input politik

Pelantikan Mohd Khusrin mengikut lunas perundangan: KSN

KUALA LUMPUR - Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Sidek Hassan menjelaskan bahawa pelantikan Datuk Mohd Khusrin Munawi sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Selangor adalah teratur dan sah dari segi undang-undang dan bukannya berdasarkan input politik.

Beliau berkata, pelantikan itu dibuat mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor dan Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam, 2010 serta terdapat elemen konsultasi dengan Kerajaan Negeri Selangor melalui Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Ramli Mahmud.

"Dalam proses pelantikan ini saya tidak mengambil input politik dalam urusan pelantikan tersebut dan tidak merujuk kepada mana-mana Anggota Pentadbiran



● MOHD SIDEK

Persekutuan termasuk Perdana Menteri.

"Urusan tersebut dilaksanakan secara profesional yang hanya melibatkan Ketua Setiausaha Negara (dan Lembaga Kenaikan Pangkat) dengan Kerajaan Negeri Selangor," katanya dalam satu kenyataan di sini petang semalam.

Beliau juga menjelaskan bahawa proses konsultasi turut dilaksanakan dalam proses pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri bagi ne-

geri-negeri lain yang berkaitan sama ada negeri-negeri yang ditadbir oleh Barisan Nasional (BN)

ataupun yang tidak ditadbir oleh Barisan Nasional termasuk pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Dalam kenyataan itu, Mohd Sidek menghuraikan dengan panjang lebar proses pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang dibuat oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam yang dipengerusikan oleh beliau.

Katanya, lembaga itu merupakan suatu kuasa yang sah dari segi Perlembagaan Persekutuan dan merupakan 'Suruhanjaya Perkhidmatan berkenaan' menurut Perkara LII (1) Perlembagaan Negeri Selangor.

Menurutnya, berdasarkan Perkara LII Perlembagaan Negeri Selangor, perkataan 'Suruhanjaya Perkhidmatan berkenaan

adalah merujuk kepada Suruhanjaya Pelantikan yang membuat pelantikan terhadap Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

"Dalam hal ini, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor adalah daripada pegawai-pegawai awam Persekutuan daripada Skim Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD) dan Suruhanjaya Pelantikan mereka adalah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) kerana Perkhidmatan PTD itu adalah terjatuh mengikut

perkara 132(2)(c) Perlembagaan Persekutuan iaitu 'perkhidmatan awam am persekutuan'. Perkara ini dinyatakan dalam Fasal (1) Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan," katanya.

Justeru, katanya dakwaannya bahawa pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dibuat oleh Kerajaan Persekutuan adalah tidak tepat dari segi undang-undang. - Bernama

Rizal tekad raih pingat

Siri Piala Dunia Klasik, Kejohanan ACC Mac depan

>>Oleh Aida Adilah Mat

aida@hmetro.com.my

TIADA apa yang boleh dilakukan pelumba trek negara, Rizal Tisin (*gambar*) selain berusaha meraih pingat dalam siri Piala Dunia Klasik dalam acara kegemarannya, 1 kilometer ujian masa.

Selepas acara itu tidak dipertandingkan di Sukan Olimpik London, pelumba kelahiran Selangor itu hanya berpeluang beraksi di siri Piala Dunia Klasik dan Kejohanan Lumba Basikal Asia (ACC) Mac ini.

Rizal yang kembali menjalani latihan di Melbourne hari ini berkata, kesilapan dilakukan ketika Sukan Komanwel lalu sehingga mengakibatkan terlepas pingat emas perlu ditebus dalam siri

Kejohanan Piala Dunia di Beijing, 21 Januari ini.

“Saya akan lakukan yang terbaik. Tiada mata kelayakan untuk Sukan Olimpik, tapi masih berpeluang beraksi di Kejohanan Dunia. Itulah pentas terakhir saya dalam acara 1km ujian masa.

“Selepas ini saya mungkin memberi tumpuan dalam acara pecut berpasukan dan penyertaan saya dalam acara omnium dan kejar-mengejar berpasukan masih lagi dalam pertimbangan,” katanya.

Rizal yang menyertai kombinasi trio basikal negara bersama-sama Muhammad Edrus Md Yunos dan Josiah Ng mencetuskan semangat baru apabila menamatkan saingan siri kedua Piala Dunia Klasik di Cali, Colombia di kedudukan keenam.

Biarpun gagal meraih po-

dium, trio itu berjaya mengumpul lima mata berkedudukan tempat kesembilan dalam senarai ranking Piala Dunia Klasik sekali gus menceraikan peluang melayakkan diri ke Kejohanan Dunia dan Sukan Olimpik.

Kini hanya tinggal dua lagi siri Piala Dunia iaitu Beijing dan Manchester pada 18-20 Februari buat Rizal bersama pelumba lain mengumpul mata ke Kejohanan Dunia yang akan berlangsung di Belanda 23-27 dan Olimpik 2012.

Selain Rizal, seorang lagi pelumba negara Azizulhasni Awang kini berada dalam keadaan selesa menerusi acara keirin selepas menjuarai perlumbaan itu di Cali sekali gus dianugerahkan jersi pelangi UCI selaku pemenang dan pendahulu acara keirin.

